



# *SEAFOOD HUT RESTAURANT*

*Disediakan oleh :*

MUHAMAD NAZRE BAKHTIAR B. NAS RIJAL  
91478418

MASTURA NOORSHAHIDA BT. MANSUR  
91234167

MOHD RASYIDAN B. AB. RASHID  
91389445

ROHANI BT. ABDULLAH  
91347951

RASIDI B. SAMSURI  
91424790

ZURA ZAINIRA BT. OMAR  
91321064

*Disediakan untuk:*

EN. ABD. RAZAK B. AMIR  
PENSYARAH ETR 300  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERLIS

*20 APRIL 1994*

## ISI KANDUNGAN

---

<b>SURAT PENYERAHAN.....</b>	
<b>MUQADDIMAH.....</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>TUJUAN.....</b>	<b>iii</b>
<b>LOGO.....</b>	<b>iv</b>
<b>SINOPSIS.....</b>	<b>v</b>
<b>Pengenalan.....</b>	<b>1</b>
<b>LATAR BELAKANG PERNIAGAAN.....</b>	<b>3</b>
<b>LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI.....</b>	<b>5</b>
<b>LATAR BELAKANG PROJEK.....</b>	<b>11</b>
<b>RANCANGAN ORGANISASI.....</b>	<b>14</b>
<b>RANCANGAN PEMASARAN.....</b>	<b>30</b>
<b>RANGANGAN OPERASI.....</b>	<b>50</b>
<b>RANCANGAN KEWANGAN.....</b>	<b>67</b>
<b>RUMUSAN.....</b>	<b>80</b>
<b>LAMPIRAN.....</b>	

## **SINOPSIS**

### **NAMA PERNIAGAAN**

Setelah dipersetujui antara rakan kongsi maka telah ditetapkan bahawa perniagaan akan beroperasi di bawah nama **SEAFOOD HUT RESTAURANT** pada Januari 1997.

### **BIDANG KEGIATAN**

Perniagaan yang dijalankan ialah sajian khas makanan laut.

### **BENTUK PERNIAGAAN**

Perniagaan ini merupakan perkongsian yang mempunyai ahli rakan kongsi seramai 6 orang.

### **LOKASI**

Lokasi restoran kami adalah bertempat di KM 2, KAMPUNG KELI-BANG, PEKAN KUAH, LANGKAWI.

### **PERSAINGAN**

Kami menjangka mendapat persaingan dari :

1. SARI SEAFOOD
2. NUSANTARA RESTAURANT
3. RESTORAN SRI EMAS
4. WHITE SAND SEAFOOD
5. GREEN HILL RESTAURANT

### **PASARAN**

Sasaran pasaran kami adalah kepada orang awam serta pelancong yang mengunjungi Pulau Langkawi.

## **PENGURUSAN**

Perniagaan akan diuruskan sendiri oleh rakan kongsi yang terdiri daripada 6 orang usahawan muda. Senarai jawatan adalah seperti berikut :

1. MUHAMAD NAZRE BAKHTIAR	PENGURUS BESAR
2. MASTURA NOORSHAHIDA	PENOLONG PENGURUS
3. ZURA ZAINIRA	PENGURUS PEMASARAN
4. RASIDI SAMSURI	PENGURUS PEMASARAN
5. ROHANI ABDULLAH	PENGURUS KEWANGAN
6. MOHD. RASYIDAN	PENGURUS OPERASI

Kami juga dibantu oleh 20 orang pekerja yang lain.

## **MODAL**

Modal yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan ini adalah sebanyak RM 200 000.00 di mana RM 100 000.00 adalah sumbangan daripada rakan kongsi sementara selebihnya adalah modal pinjaman daripada MARA.

## **TARIKH PERMULAAN PERNIAGAAN**

Tarikh permulaan perniagaan ialah 1 Januari 1997.

## PENGENALAN

Perniagaan yang bakal ditubuhkan pada Januari 1997 ini berkaitan dengan perniagaan restoran makanan laut.

Sektor makanan dan minuman adalah sebuah sektor yang berkembang dengan pertumbuhan Industri Pelancongan. Antara peluang yang wujud dalam sektor ini ialah mengadakan restoran, gerai makanan di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pelancong.

Peluang juga wujud sekiranya restoran menyediakan makanan yang unik dan menarik seperti restoran makanan laut khusus untuk sesuatu masakan yang disediakan dengan persembahan hiburan yang dapat menarik pelancong.

Kami menceburi bidang ini selaras dengan seruan kerajaan untuk melihat lebih ramai bumiputera terlibat di dalam bidang perniagaan restoran makanan laut yang selama ini hanya dimonopoli oleh golongan bukan bumiputera, terutamanya dari bangsa Cina. Kemasukan kami dalam perniagaan ini membuka era baru dalam memajukan industri makanan terutama kepada bumiputera.

Masyarakat Melayu dari zaman dahulu lagi bergantung hidup kepada sektor pertanian dan perikanan. Malangnya, golongan bumiputera yang berakademik jarang sekali menceburi bidang perniagaan ini. Atas dasar tersebut, perniagaan **SEAFOOD HUT RESTAURANT** telah dipilih. Keunggulan **SEAFOOD HUT RESTAURANT** adalah dari pelbagai jenis masakan laut yang dihidangkan dan mempunyai mutu yang tersendiri.